

# Dosa besar halang umat Islam ke Masjid al-Haram

## TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

**SAYID** Qutub berkata: Itulah cara pendidikan yang mengagumkan, mendalam tetapi mudah. Ia adalah satu cara pendidikan yang mengenal liku-liku jalan untuk memasuki ke dalam jiwa manusia dan lorong-lorongnya yang banyak. Ia membawa saranan yang benar, bukannya saranan yang palsu dan cakap-cakap yang menipu.

Memang benar jiwa manusia yang lemah itu membencikan sesuatu sedangkan pada hakikatnya ia penuh mengandungi kejahatan dan kemudartan. Memang benar pula bahawa hanya Allah sahaja yang mengetahui, sedangkan manusia tidak mengetahui.

Adakah manusia mengetahui akibat-akibat dari sesuatu urusan? Adakah manusia mengetahui rahsia di sebalik tabir? Adakah manusia mengetahui hakikat-hakikat yang tidak terjejas oleh hawa nafsu, kejahatan dan kelemahan?

Cara sentuhan Rabbani terhadap hati manusia dapat membuka di hadapannya sebuah alam yang lain dari alam yang dilihat oleh dua matanya dan dapat menonjolkan di hadapannya beberapa faktor lain yang bekerja di hati alam buana.

Mengubah keadaan dan mengatur akibat yang berlainan dari apa yang difikir dan diduga olehnya. Sentuhan Rabbani akan menjadikan seseorang itu - apabila hatinya menyambut sentuhan itu - begitu patuh kepada kuasa takdir Allah, di mana ia bekerja sambil berharap, bercita-cita dan merasa takut kepada Allah. Tetapi ia memulangkan segala-galanya kepada kuasa Allah yang Maha Bijaksana dan kepada ilmu-Nya yang meliputi segala sesuatu dengan hati yang rela dan tenang. Itulah erti kedamaian dari pintunya yang luas.

Firman Allah, *Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) berperang dalam bulan yang dihormati; katakanlah: "Peperangan dalam bulan itu adalah berdosa besar, tetapi perbuatan menghalangi (orang-orang Islam) dari jalan Allah dan perbuatan kufur kepada-Nya dan juga perbuatan menyekat (orang-orang Islam) ke Masjid Al-Haram (di Mekah), serta mengusir penduduknya dari situ, (semuanya itu) adalah lebih besar lagi dosanya di sisi Allah. Dan (ingatlah), angkara fitnah itu lebih besar (dosanya) daripada pembunuhan (semasa perang dalam bulan yang dihormati). Dan mereka (orang-orang kafir itu) sentiasa memerangi kamu hingga mereka (mahu) memalingkan kamu dari agama*

*kamu kalau mereka sanggup (melakukan yang demikian); dan sesiapa di antara kamu yang murtad (berpaling tadah) dari agamanya (agama Islam), lalu ia mati sedang ia tetap kafir, maka orang-orang yang demikian, rosak binasalah amal usahanya (yang baik) di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah ahli neraka, kekal mereka di dalamnya (selama-lamanya). (Al-Baqarah: 217)*

Menurut riwayat yang banyak, ayat ini turun mengenai pasukan tentera pimpinan Abdullah ibni Jahsy r.a. Dia telah dikirim oleh Rasulullah s.a.w bersama-sama lapan orang muhajirin dan tiada seorang Ansar pun di dalam pasukan ini. Kepada Abdullah baginda menyerahkan sepucuk surat dan dipertahankan jangan membuka surat itu kecuali selepas dua malam.

Apabila Abdullah membuka surat itu ia dapati tertulis begini: Setelah anak membaca suratku ini teruskan perjalanan anda sehingga anda berhenti di Batni Nakhlah - di antara Mekah dan Taif - dan di sini perhatikan gerak-geri orang-orang Quraisy dan sampaikan kepada kami berita-berita mereka, tetapi anda jangan paksa mana-mana sahabat anda meneruskan perjalanan bersama anda.

### Perintah

Peristiwa ini berlaku sebelum Perang Badar. Setelah selesai melihat surat itu Abdullah pun berkata: Segala perintah dijunjung. Kemudian dia berkata kepada sahabatnya: Rasulullah s.a.w menyuruh supaya aku meneruskan perjalanan sehingga sampai kepada Batni Nakhlah untuk memerhati pergerakan orang-orang Quraisy di sana dan menyampaikan berita mereka kepada baginda. Baginda juga menghalang aku memaksa sesiapa daripada kamu.

Oleh itu sesiapa yang mahu mati syahid dan gemar kepadanya, maka bolehlah ia ikut pergi dan sesiapa yang tidak suka, maka hendaklah ia pulang sahaja. Aku sendiri akan pergi melaksanakan perintah Rasulullah s.a.w itu. Lalu dia pun pergi bersama-sama sahabat-sahabatnya, tiada seorang pun yang ketinggalan.

Dia mengikut jalan ke Hijaz dan di pertengahan jalan unta Saad Ibn Abi Waqqas dan Utbah Ibn Ghazwan telah hilang menyebabkan kedua-dua sahabat itu meninggalkan kumpulan Abdullah Ibn Jahsy untuk mencari unta yang hilang itu. Enam sahabat yang lain meneruskan perjalanan mereka.

Apabila pasukan ini sampai di Batni Nakhlah, tiba-tiba satu kafilah Quraisy membawa dagangan lalu di situ dan dalam kafilah itu terdapat 'Amru Ibn al-Hadhrami dan tiga orang yang lain, lalu pasukan itu membunuhnya dan menawan dua orang lagi, manakala seorang lagi dapat melarikan diri.

Mereka juga merampas unta-unta yang merampas dagangan itu. Mereka fikir masih berada dalam bulan Jamadilakhir, tiba-tiba mereka dapati mereka berada pada hari pertama bulan Rejab yang menandakan masuknya bulan haram yang dihormati oleh orang-orang Arab, juga dihormati oleh Islam dan diakui kesuciannya.

Apabila pasukan ini membawa unta-unta dan dua orang tawanan itu kepada Rasulullah s.a.w bersabda: Aku tidak menyuruh kamu berperang di bulan haram. Unta-unta dan dua orang tawanan itu berdiri di situ, sedangkan beliau enggan menerima sesuatu apa pun. Setelah Rasulullah s.a.w bersabda begitu mereka pun menyesal dan menyangka bahawa mereka tetap binasa.

Perbuatan mereka telah dikecam oleh saudara-saudara mereka kaum Muslimin. Orang berkata: Muhammad dan sahabatnya telah menghalalkan bulan haram. Mereka telah menumpahkan darah, merampas harta dan menawan musuh di bulan itu.

Orang-orang Yahudi mengambil sempena kejadian itu untuk memburukkan Muhammad. Mereka berkata: (memang tepatlah) Amru Ibn al-Hadhrami dibunuh oleh Waqid Ibn Abdullah kerana kata-kata Amru (Amar) itu diambil dari kata-kata, "api peperangan telah hidup" dan kata-kata al-Hadhrami diambil dari kata-kata "peperangan telah tiba" dan kata-kata Waqid Ibn Abdullah diambil dari kata-kata, "peperangan telah bernyala".

Demikianlah propaganda yang mengelirukan dengan berbagai-bagai cara jahat yang digembar-gemburkan di dalam masyarakat Arab. Propaganda itu menonjolkan Muhammad dan para sahabatnya sebagai penceroboh yang mencabul kesucian-kesucian orang Arab dan sanggup melanggar kesucian itu apabila ada muslihat. Sehingga apabila turun ayat ini yang menolak segala propaganda itu dan menjelaskan perkara itu dengan penjelasan yang benar barulah Rasulullah s.a.w menerima dua orang tawanan itu dan rampasan itu.

Persoalannya kenapa orang Islam berperang?

Untuk menjawab perkara ini dipinjam jawapan Imam al-Banna. Antara lain katanya yakni pernah suatu ketika manusia mengecam Islam kerana Islam mewajibkan jihad dan membenarkan peperangan. Namun apabila ayat Allah ini menjadi suatu kenyataan seperti yang diterangkan dalam surah Fussilat, ayat 53 bermaksud: *Kami akan perlihatkan kepada mereka tanda-tanda kekuasaan Kami di merata-rata tempat (dalam alam yang terbentang luas ini) dan pada diri mereka sendiri, sehingga ternyata jelas kepada mereka bahawa al-Quran adalah benar.*

Mereka kini mengakui bahawa siap siaga adalah jalan terbaik untuk mencapai kesejahteraan. Allah mewajibkan umat Islam berjihad bukan bagi menindas atau kepentingan peribadi. Sebaliknya jihad bertujuan memelihara dakwah Islam, menjaga kesejahteraan dan membolehkan umat Islam menaikkan tanggungjawab besar dipikul iaitu membimbing manusia ke arah jalan yang benar dan adil.

Walaupun Islam mewajibkan perang tetapi Islam menganjurkan keamanan dan kedamaian. Allah s.w.t. berfirman dalam surah al-Anfal ayat 61 yang bermaksud: *Dan jika mereka (pihak musuh) cenderung kepada perdamaian, maka engkau juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakallah kepada Allah.*

Apabila orang Islam keluar berperang, hanya ada satu tujuan sahaja dalam dirinya iaitu berjuang menegakkan kalimah Allah yang mulia. Agama Islam mewajibkannya supaya tidak mencampur adukkan matlamat suci ini dengan matlamat-matlamat yang lain. Dia diharamkan mencari kedudukan. Dia diharamkan mencari nama, mencari harta benda, mengejar harta perang dan memperolehi kemenangan dengan cara yang salah. Satu tujuan sahaja yang dihalalkan iaitu menyerahkan darah dan nyawanya demi akidah dan demi membimbing manusia.

Jika anda membaca sejarah para sahabat yang diredai Allah dan bagaimana mereka mara menakluk sesebuah negara, anda akan dapat lihat bagaimana mereka mengetepikan ketamakan dan hawa nafsu mereka. Sebaliknya mereka hanya memberi tumpuan sepenuhnya kepada matlamat asasi iaitu memimpin manusia ke jalan yang benar supaya kalimah Allah berada di tempat yang mulia.

### Iktibar ayat

- Al-Maraghi berkata, jenayah yang dilakukan oleh orang musyrikin jauh lebih besar daripada apa yang dilakukan oleh orang Islam berkenaan dengan berperang pada bulan haram.
- Fitnah lebih besar daripada bunuh. Ini kerana membawa kepada syubhah sehingga mengheret ke neraka.
- Kelebihan berjihad Fi Sabilillah.

● DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).